

Hakim yang Adil

Oleh Pengarang Sepanyol Pedro Deybed

Cerita ini ditulis oleh seorang pengarang Sepanyol yang telah lama bercampur gaul dengan bangsa Arab di Sepanyol. Adakah cerita tersebut ada kena mengena dengan sejarah negeri Sepanyol (Andalus) di zaman pemerintahan Islam berleluasa di sana, atau adakah hanya dari cerita-cerita mulut yang didapati daripada orang-orang Sepanyol sendiri, tidaklah dapat dipastikan kerana memang cerita-cerita kegemilangan pemerintahan Islam di zaman silam, banyak yang tidak tersiar dengan meluas yang selama ini terpendam begitu sahaja dan mungkin inilah salah satu daripada kisah-kisah yang terpendam itu.

Diterjemahkan daripada Majalah *Al-Hilāl*

Di zaman Ali Mamnun menjadi gabenor atau pemerintah di negeri Tulayṭulah¹, negeri itu terkenal aman sentosa seluruh rakyatnya dan makmur serta subur buminya. Keadilan meliputi segala wilayah negeri itu hingga boleh dikatakan kalau seorang kanak-kanak memakai mahkota emas di kepalanya dan berjalan mengelilingi negeri itu, tidaklah dikhuatiri akan berlaku sesuatu yang membahayakan kanak-kanak itu, tidak seseorang yang berani mengusik atau memanjangkan tangannya untuk merebut mahkota emas itu dari kanak-kanak kecil itu.

Pada suatu hari gabenor itu berangkat dari istananya untuk mengunjungi sebuah bandar jajahan takluknya yang telah diketahuinya hakim yang berkuasa di lawiyah² itu terkenal kerana kebijaksanaannya mengadili hamba rakyatnya. Dengan maksud untuk menyaksikan dengan mata kepala sendiri akan keadilan yang dilakukan oleh hakim itu, ia pun mengunjunginya.

Dengan menunggang kuda dan menyamar sebagai seorang saudagar biasa ia pun menuju kebandar tersebut, pada keesokan harinya sampailah ia ke pintu kota yang dituju. Udara pagi hari itu amat sejuk,

di pintu kota itu dilihatnya ada seorang tepok yang tak berdaya menadahkan tangannya untuk meminta sedekah. Dengan kemurahan hatinya diberinya wang kepada peminta sedekah yang tidak berdaya itu. Seperti biasa ia memberi sedekah kepada pengemis-pengemis dan orang-orang yang berhajat, tiba-tiba dilihat peminta sedekah yang tepok itu bergantung di kaki kuda dan keadaannya menarik perhatian Ali Mamnun. Lalu ia bertanya:

“Apa lagi kehendakmu?”

“Tolonglah saya untuk menyampaikan saya ke dalam kota dengan menunggang kuda tuan ini?”

Dengan perasaan perikemanusiaan ditolongnya orang miskin itu menaiki kudanya dan bersama-sama menunggang kudanya itu hingga sampai ke dalam kota mendekati sebuah bangunan di hadapan suatu lapangan. tatkala itu berkatalah Ali Mamnun:

“Tuan mahu berhenti disini?”

“Ya!”

“Bolehkah tuan turun sendiri?”

“Tetapi lebih baik tuan turun dahulu.”

¹ Sebutan Arab bagi Toledo, salah sebuah bandar di Sepanyol.

² Perkataan sebenarnya adalah wilayah.

“Baiklah, dari bawah saya akan turunkan tuan.”

“Tidak, tuanlah turun sendiri, saya akan terus duduk di atas kuda ini.”

“Mengapa demikian.”

“Kerana sebab yang mudah sekali, kerana sayalah yang mempunyai kuda ini sekarang.”

“Sungguhkah tuan berkata. Dan sudahkah berhati-hati?”

“Saya bersungguh-sungguh dan sudah berhati-hati.”

“Kita dalam bandar dalam yang diperintah oleh seorang hakim yang terkenal adil dan bijaksana.”

“Tidakkah tuan berfikir bahawa tuan hakim yang adil itu bila melihat tuan yang gigih dan segar sedang saya seorang tepok yang tak berdaya, akan segera menyebelahi saya?”

“Kalau ia berkata demikian, bukanlah ia hakim yang adil.”

“Dia memang adil, tetapi pada kali ini akan terpedaya juga.”

Melihat kedegilan orang itu Ali Mamnun berkata di dalam hatinya: Ya Tuhanku aku hendak menyaksikan keadilan hakim yang di bawah perintahku, tiba-tiba aku sendiri terlibat dalam perkara ini. Ia menoleh kepada orang itu.

“Kalau demikian marilah kita segera berhadapan dengan tuan hakim.”

Keduanya pun pergi menghadap tuan hakim di tengah-tengah orang ramai itu. Ali Mamnun memegang tali kekang kedua itu, sedang orang tepok yang tidak berada itu tetap duduk di atas kuda.

Perkara pertama yang dibicarakan pada hari itu

ialah mengenai dua orang yang masing-masing mendakwa wangnya dirampas oleh yang lain yaitu antara penjual minyak dengan penjual daging, waktu dilakukan penyelidikan oleh hakim.

Kata penjual daging:

“Saya datang ke kedai orang ini untuk membeli minyak, bila saya mengeluarkan wang dari saku saya dengan tangan saya dirampasnya segala wang itu. Kerana itulah tuan hakim saya minta diadili.”

Waktu dihadapkan penyelidikan kepada yang didakwa.

Berkata pula si penjual minyak:

“Orang ini datang ke kedai saya membawa botol untuk membeli minyak, setelah saya isi botolnya, ia bertanya kepada saya adakah saya wang-wang kecil untuk tukarkan wang riyal emas yang dipunyainya, saya pun mengeluarkan wang saya dan mengeluarkannya diatas meja untuk saya kira, tiba-tiba wang itu semuanya dirampasnya dari tangan saya lalu cuba melarikan diri dengan wang serta minyak yang belum dibayar harganya. Kerana itu saya tangkap dia dan saya minta supaya perkara ini diadili oleh tuan hakim dengan saksama.”

Tuan kadi terpegun sebentar. Kemudian ia berkata: “Saya harap wang itu ditinggalkan di sini, tuan-tuan boleh kembali sekarang, esok tuan-tuan datang lagi ke mari.”

Kemudian sampailah giliran Ali Mamnun dengan orang miskin tepok akan dibicarakan. Bila ditanya oleh hakim, Ali Mamnun mula-mula menjawab.

“Tuan hakim yang mulia – saya datang dari sebuah kampung yang jauh untuk membeli barang keperluan yang saya hajati, bila saya sampai dipintu kota ini,

saya dapati orang meminta sedekah yang tepok ini, mulanya ia meminta sedekah saya beri dengan rela hati, kemudian ia meminta tolong sampaikan ke dalam kota ini, saya melakukannya dengan perasaan penuh perikemanusiaan. Tiba-tiba waktu ia telah sampai di tempat ini, waktu saya meminta ia turun ia tak mahu turun dan ia mendakwa kuda itu kepunyaanya. Sia-sia saya menasihatinya supaya jangan berbuat demikian, sebaliknya ia mengatakan bahawa tuan hakim tidak akan dapat membuktikan kuda itu kuda saya. Kerana itulah saya meminta tuan adili.”

Orang miskin tepok itu pula waktu diminta penerangan daripadanya ia berkata:

“Tuan hakim yang mulia, saya sedang berjalan-jalan dengan menunggang kuda kepunyaan saya sendiri. Tiba-tiba saya lihat orang ini sedang tidur di tepi jalan, saya dekati dia serta bertanya adakah ia sedang

sakit atau sedang penat dan lelah. Ia menjawab bahawa ia penat benar, kalau ada belas kasihan saya dimintanya saya membawanya ke dalam kota dengan belas kasihan saya, saya lakukan segala permintaanya. Alangkah terperanjatnya saya bila dengan tiba-tiba ia meminta saya turun dari kuda saya ini dan ia mendakwa kuda ini kepunyaanya.”

Segala pengakuan dan dakwaan kedua boleh pihak itu didengar dengan amat teliti oleh hakim yang bijaksana itu, setelah selesai dengan suara lemah lembut hakim itu berkata

“Tinggalkanlah kuda itu di sini, tuan-tuan boleh balik dan datang lagi ke sini pada esok hari.”

Pada keesokan harinya ramailah orang-orang berasak-asak memenuhi ruang mahkamah, di mana tuan hakim yang terkenal bijaksana itu akan memberi keputusan dari dua perbicaraan yang dianggap sulit dan rumit itu.

Abu Bakar As-Siddiq.

Buku sejarah Islam yang menceritakan khalifah Rasullullah yang pertama yaitu “Abu Bakar As Siddiq” susunan Shaykh Abdullah Basmeh telah dicetak semula dalam satu penggal, siap untuk dipesan dengan harga senaskhah \$2.50.

* * *

Buku ini telah dicetak dua penggal kerana pada masa diterbitkan dahulu penghargaan kepada buku-buku *tārīkh* tidaklah sebegitu mendapat perhatian. Melihat kepada perkembangan-perkembangan yang ada sekarang maka buku ini dicetak semula dengan dijadikan satu penggal dengan diubah tekniknya mengikut perkembangan masa sekarang. Dengan perubahan tekniknya ini diharap kelak dapatlah ia menarik perhatian pembaca-pembaca dan penggemar-penggemar perpustakaan untuk membaca dan memilikinya.

Pesan kepada: -

Qalam 356/8 Geylang Road Singapura 14.

Majlis pun dimulakan. Kedengaran hakim memanggil penjual daging lalu berkata:

“Ambillah wang ini, kerana ia sebenarnya adalah wang dari saku kamu sendiri dan sebenarnya tuanlah yang mempunyai.”

Kemudian diserunya nama penjual minyak. Lalu berkata:

“Tuan yang sebenarnya hendak merampas wang itu, wang itu bukan kepunyaanmu, dan sebagai balasanya dan balasan orang yang berkata bohong lima puluh rotan.”

Dikerahkannya beberapa orang askar yang telah sedia di kanan kirinya sampai menjalankan hukuman itu.

Datang pula giliran Ali Mamnun, dalam beberapa detik sahaja tuan hakim telah berhadapan dengan mereka berdua, kedua mereka itu dihadapkan pertanyaan:

“Adakah dapat tuan-tuan memilih kuda masing-masing di antara dua puluh ekor kuda lainnya yang rupanya berhampiran sama dengan kuda tuan-tuan?”

Ali Mamnun segera menjawab:

“Saya tidak ragu-ragu lagi untuk mendapatkan kuda saya” tetapi jawapan seperti itu juga dijawab oleh si miskin tepok yang tak berdaya itu.

Ali Mamnun dengan orang tepok itu diiring keluar mahkamah untuk membuktikan mana satu kudanya di antara dua puluh ekor kuda yang dibariskan sama.

Setelah dipilihnya orang miskin itu pula disuruh memilih, tetapi orang ini ternyata cerdik benar, kerana apa yang telah ditunjuk oleh Ali Mamnun kuda itulah yang ditunjuk juga oleh orang itu. Kemudian tuan hakim meminta kedua mereka itu masuk lagi ke dalam mahkamah.

Waktu memberi keputusan tuan hakim menoleh kepada

Ali Mamnun lalu berkata:

“Kuda itu saya dapati tuan yang punya, tuan berhak mengambilnya sekarang.” Kemudian ia menoleh kepada askar-askarnya untuk menangkap orang miskin yang pandai menipu itu, dan dijatuhkan hukuman sebat lima puluh rotan.

Ali Mamnun setelah mengucapkan terima kasih kepada tuan hakim, berlalulah dari mahkamah itu sambil menuggang kudanya. Waktu tuan hakim kembali ke rumahnya, didapati ada tetamu sedang menunggunya di dewan tetamu, tetamu itu tidak lain daripada Ali Mamnun, setelah masing-masing memberi salam dan berjabat tangan berkatalah tuan hakim:

“Puas hatikah tuan dengan hukuman yang telah saya lakukan.”

“Cukup puas hati tuan, tetapi yang saya mahu tahu ialah kecerdasan tuan melakukan sesuatu hukuman, dan sebelum tuan menceritakan kepada saya sudah sepatutnya saya memberitahu kepada tuan siapakah sebenarnya saya. Saya bukanlah saudagar pengembara sebagaimana yang telah saya katakan, saya ialah Gabenor negeri Tūlaytūlah.

Tuan hakim segera bangun dan mencium tangan tetamunya sambil meminta maaf kerana selama ini tidak mengenali gabenor yang memerintah.

Ali Mamnun segera menyambut tangan tuan hakim itu lalu didudukkan di tempat duduknya sambil berkata:

“Sekarang saya harap dapatlah tuan menyatakan bagaimana caranya tuan dapat mengetahui bahawa wang itu kepunyaan penjual daging dan kuda itu kepunyaan saya?”

“Perkara itu mudah benar tuanku. Wang dan kuda itu semalam-malaman berada di tangan saya. Tidakkah tuan perhati penjual minyak itu tangan dan badannya sehingga bajunya comot oleh minyak?”

“Ya, ada saya lihat demikian.”

“Baik, wang yang diakui kepunyaannya itu pada malam tadi saya rendam di dalam sebuah bekas penuh air dan saya biarkan begitu sahaja semalam-malaman. Pada pagi tadi saya dapati bekas air itu dan airnya tidak kelihatan barang sedikit pun tanda-tanda minyak. Inilah yang membuktikan bahawa wang itu bukanlah kepunyaan penjual minyak itu.”

“Sekarang fahamlah saya. Dan bagaimana pula tuan mengetahui kuda itu kepunyaan saya?”

“Yang sebenarnya dalam perkara tuanku itu, tidak menyedapkan hati saya. Dan semalam-semalaman tadi saya dalam kebimbangan, hinggalah beberapa ketika sebelum hukuman saya jatuhkan pagi tadi. Sebenarnya saya sendiri tidak tahu perkara yang sebenarnya. Dan bila saya membawa tuan-tuan berdua ke tempat beberapa ekor kuda yang berbaris itu pun saya telah dapat mengagak bila seorang menunjuk kuda itu kepunyaannya, orang yang kedua juga akan melakukan demikian, tetapi dengan tiba-tiba saya dapati kebenaran di pihak yang benar, kuda itu bila tuanku yang menghampirinya ia bersuara seperti menyuarakan rindu hatinya terhadap tuan dan bila tuan peluk lehernya, ia dengan manja seolah-olah turut memeluk tuannya, dan bila didekati oleh orang lain yang bukan tuannya ia bersuara seolah-olah ketakutan, dan bila dipegang-pegang lehernya oleh orang yang bukan tuannya, ia seolah-olah mengelakkan badannya daripada dijamah atau dipegang oleh orang itu, itulah yang menyebabkan saya yakin kuda itu kepunyaan tuanku.”

Terpegun sebentar Ali Mamnun bila mendengar kisah diceritakan oleh tuan hakim yang bijaksana itu.

Beberapa ketika kemudian beliau berkata:

“Tuan hakim yang bijaksana. Kedudukan tuan sudah sepatutnya berdampingan dengan saya, dan saya amat berhajat kepada tuan supaya berada disamping saya dibandar Tulaytulah (1).”

(1) “Tulaytulah” dikenali dengan nama “Toledo” sebuah negara di Spain berhampiran Madrid, telah dibuka oleh Tariq Bin Ziyad pada tahun 714 Hijrah.



Buku-buku pelajaran

Surat-menyurat (Jawi)	\$1.80
Sejarah Ringkas Nabi Muhammad	1.20
Panduan Membaca dan Menulis	
Jawi	1.50
Baca I	1.00
Pelajaran Sembahyang I	1.20
Pelajaran Sembahyang II	
Mengenai Imam Makmum, Masbuq dan Seumpamanya	1.20
Mari Sembahyang (Lelaki)	1.20
Mari Sembahyang (Perempuan)	1.20
Pesanan tambah 10 sen belanja pos	

Pesanlah kepada penerbitnya:

Q A L A M

356/8 Geylang Road

SINGAPORE 14.